

EkuiNAS melabur dalam sektor perkilangan

EKUITI Nasional Berhad (EkuiNAS), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan melabur dalam sektor perkilangan susulan pengambilalihan 100 peratus kepentingan dalam Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex), syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluar lampu tempatan dengan nilai RM260 juta.

Pengerusinya, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, pelaburan itu menandakan kemasukan EkuiNAS dalam sektor pengeluaran tepat pada masa kerana permintaan lampu lumi-



ARSHAD

nair yang tinggi di pasaran terutama model jimat tenaga.

"EkuiNAS teruja memasuki segmen pencahayaan luminair melalui Davex, pemimpin pasaran serantau yang bertapak di Malaysia dan menerangi projek-projek terkenal di rantau ini termasuk Menara Berkembar Petronas," katanya.

Katanya, pertumbuhan ekonomi mendorong permintaan pemaju hartanah dan infrastruktur, digabungkan dengan pasaran luminair Malaysia yang dijangka berkembang menjelang 2020.